


Laluan air yang dilupakan



PERSPEKTIF
MOHAMED ISMAIL
PAKIR MOHAMED

Thailand sejak abad ke-17 telah berangan-angan untuk membina terusan sepanjang 90 kilometer untuk menghubungkan Laut Andaman dengan Teluk Thailand di Segenting Kra, Selatan Thailand.

Tujuan projek ini adalah untuk menyediakan laluan perdagangan baharu yang akan memintas Singapura dan juga Selat Melaka. Sudah lama ia dibincangkan tetapi kos projek tinggi jadi halangan.

Namun baru-baru ini mereka telah membuat keputusan untuk membina jambatan darat bernilai AS\$28 bilion.

Objektifnya adalah untuk menghubungkan dua pelabuhan laut dalam di pantai timur dan barat Thailand melalui sistem kereta api, jalan raya dan juga laluan paip untuk industri minyak dan gas dan ia masih menepati tujuan asal iaitu memintas Singapura dan Selat Melaka.

Tetapi ramai yang tidak tahu sebelum wujudnya empayar kesultanan Melaka, sudah ada laluan kapal perdagangan yang memintas Singapura. Laluan itu dikenali sebagai jalan Penarikan.

Laluan ini amat popular kerana pedagang yang ingin mengelak melalui laluan Singapura yang terkenal dengan gangguan lanun.

Laluan Penarikan ini pernah diguna oleh Hang Tuah ketika beliau melarikan Tun Teja dari Pahang ke Melaka ketika zaman kesultanan Melaka.

Yang menariknya laluan ini, selain diguna sebagai laluan komersial ia juga pernah diguna oleh tentera Siam semasa mereka menyerang dan menjajah Tanah Melayu.

Oleh itu jalan Penarikan ini telah menjadi laluan alternatif yang menghubungkan Laut China Selatan dengan Selat Melaka oleh pedagang zaman dahulu.

Ia bermula dari Sungai Pahang di Pekan, yang mana kapal perdagangan bermudik ke Sungai Bera (anak Sungai Pahang) dan kemudian terus ke Sungai Serting (anak Sungai Bera).

Terdapat satu tempat di hulu Sungai Serting, yang mana kapal akan naik ke darat dan ditarik sejauh 600 meter melalui kawasan yang dipanggil Bukit

Penarik.

Seterusnya, kapal akan masuk ke Sungai Jempol, yang terletak di Negeri Sembilan, bermudik ke Sungai Muar, sehingga sampai ke Bandar Maharani, Muar dan seterusnya menyambung perjalanan ke Melaka atau kawasan lain di barat Semenanjung Tanah Melayu.

Laluan pintas ini ditemui oleh keluarga Pasai yang berhijrah dari Aceh yang membuka daerah yang mereka panggil Jempol.

Catatan sejarah ada menyatakan, kedalaman sungai-sungai ini ketika zaman dahulu adalah sekitar enam ke sembilan meter.

Keadaan ini membolehkan kapal perdagangan komersial atau jong yang besar memudik sungai ini dan ditarik merentas Bukit Penarik oleh penduduk tempatan yang sedia ada menawarkan perkhidmatan menarik kapal atau jong.

Malangnya pembangunan yang rakus telah menjadikan sungai-sungai ini cetek dengan kedalaman sekitar satu ke dua meter sahaja.

Terdapat satu artikel yang ditulis oleh Tajuddin Abdullah, seorang profesor bersara dan felo Akademi Sains Malaysia yang mencadangkan agar laluan bersejarah ini dihidupkan semula dan diberi nafas baharu untuk laluan kapal konte-

na moden.

Beliau juga mencadangkan agar laluan darat sejauh 600 meter di Bukit Penarik digali dan dijadikan terusan yang boleh menghubungkan sungai-sungai tersebut.

Beliau berpendapat, laluan sungai yang menghubungkan Muar ke Pekan ini boleh menjadi pemangkin ekonomi tempatan dan mengukuhkan kedudukan Malaysia dengan sebagai hab logistik global.

Pandangan beliau ini ada meritnya, namun pemulihan laluan air bersejarah yang telah dilupakan ini memerlukan penelitian yang rapi.

Kesimpulannya, memulihkan sungai lama untuk operasi perkapalan komersial adalah usaha yang kompleks.

Namun, dengan mengutamakan perlindungan kelestarian alam sekitar, menjalankan kajian yang menyeluruh, dan penglibatan serta sokongan masyarakat, kita dapat membuka potensi dan mengubah status laluan air yang dilupakan ini, kepada satu laluan perdagangan yang berdaya saing.

* Penulis merupakan Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan Teknologi dan
Perniagaan Universiti Tun Hussein
Onn Malaysia (UTHM)